

Konsert martabatkan kebudayaan di kampus



Siti Mariam
dengan lagu
*Laksamana
Raja Di Laut*
mengungguli
Kategori
Tempatan.



Persembahan tarian
tradisional sebagai selingan turut
menghiburkan penonton konsert.

**Oleh Faizatul Farhana
Farush Khan**
ffarhana@bh.com.my

► **Tanjung Malim**

Sejajar iltizam memartabatkan kebudayaan Melayu ke peringkat lebih tinggi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengadakan Konsert Nyanyian Irama Malaysia Antarabangsa (KONIMA) di kampus itu, baru-baru ini. Selain tuan rumah, universiti awam (UA) lain yang mengambil bahagian termasuklah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti

Utara Malaysia (UUM). Tidak ketinggalan memeriahkan pentas konsert ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Cungkil bakat

Pengarah KONIMA, Nurul Idayu Syuhada Idris, berkata program itu dianjurkan Majlis Mahasiswa Kolej (MMK), Kolej Ungku Omar UPSI sempena Hari Interaksi Kolej Ungku Omar (#GEGAKUO). “Matlamat program

ini ialah memperkasa kebudayaan Melayu untuk mempromosikan keunikan seni dan warisan Malaysia, sekali gus menjadi pemangkin mempertingkatkan ekonomi negara serta membangunkan pertumbuhan khazanah bernilai itu.

“Di samping itu, melahirkan modal insan berilmu, berkemahiran, kreatif dan inovatif dalam bidang kebudayaan,” katanya.

Beliau berkata, inisiatif itu juga bertujuan memperkenalkan nyanyian lagu irama Melayu asli supaya lebih ramai anak muda meminati dan berusaha memperjuangkan warisan berkenaan pada masa depan.

Katanya, penganjuran itu juga dapat mencungkil bakat dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi, malah berpotensi diketengahkan ke peringkat lebih jauh.

Dinobatkan pemenang

Pada konsert itu, tempat pertama Kategori Tempatan yang menawarkan hadiah wang tunai RM1,000, plak dan sijil menjadi milik Siti Mariam Saim dari UiTM Shah Alam menerusi lagu *Laksamana Raja Di Laut*.

Dina Rusyda Noasnadi dari UniZA pula menerima hadiah wang tunai RM500 selaku naib juara, manakala tempat ketiga disandang peserta

tuan rumah, Muhamad Fakhruallah Farrok yang membawa pulang RM300, selain plak dan sijil.

Sementara itu, Kategori Antarabangsa menyaksikan pelajar warga Nigeria dari UniZA, Ibrahim Tijjani yang menyampaikan lagu *Joget Kenangan Manis* muncul juara, disusuli Sha Hai Qiang (China) mewakili USM dengan lagu *Patah Hati* di tangga kedua, dan Gemma Ndatoramba Usiku (Nigeria) dari UPSI memenangi tempat ketiga melalui lagu *Tari Tualang Tiga*.

Hadiah disampaikan oleh Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Prof Datuk Ir Dr Mohd Rizon Juhari.

Fakta nombor

KONIMA
Hadiah wang tunai

RM1,000
juara

RM500
naib juara

RM300
tempat ketiga